



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 3/1977**

Kemudahan-kemudahan Untuk Carian Sendiri

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai pentingnya diadakan kemudahan-kemudahan yang memuaskan untuk seseorang yang membuat carian sendiri di bawah seksyen 384 Kanun Tanah Negara.

2. Seksyen 384 Kanun Tanah Negara memperuntukan bahawa tertakluk kepada penjelasan bayaran yang ditetapkan, seseorang itu boleh memeriksa dan mengambil catatan atau mengambil cabutan dari sesuatu daftar surat milik, buku perserahan, buku catatan pembetulan, suratcara urusan dan permohonan yang diserahkan atau ditujukan kepada pendaftar. Semasa membuat carian sendiri, seseorang itu tidaklah boleh dibenarkan mengambil sendiri dokumen atau dokumen-dokumen dan ia juga tidaklah patut dibenarkan memilih tempat duduk untuk memeriksa dokumen itu. Memandangkan sekatan-sekatan yang diperlukan itu, maka adalah menjadi tanggungjawab Pendaftar atau Pemungut untuk menjamin bahawa seseorang itu diberi layanan yang baik dan dan kemudahan yang memuaskan untuknya memeriksa, mengambil catatan atau cabutan dari dokumen atau dokumen-dokumen. Oleh itu, adalah perlu sebuah meja dan kerusi dikhaskan di pejabat pendaftaran untuk tujuan tersebut.

3. Untuk tugas ini seorang pegawai kerani perlulah mengawasi orang yang membuat carian sesuatu daftar surat milik, buku perserahan atau lain-lain lagi untuk menjamin pengurusan perkara-perkara berikut:

- (a) beliau memperoleh dokumen atau dokumen-dokumen dalam masa yang munasabah;
- (b) beliau tidak memeriksa dokumen-dokumen lain dalam daftar surat-surat milik yang sama yang belum dijelaskan bayaran untuk memeriksanya;
- (c) beliau tidak mengoyak atau mengeluarkan mana-mana dokumen.

4. Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dengan ini dinasihatkan supaya kemudahan-kemudahan yang sesuai seperti kerusi meja diadakan di pejabat pendaftaran untuk menyenangkan seseorang itu membuat carian rekod-rekod pejabat pendaftaran memandangkan bahawa tujuan dikenakan bayaran carian adalah untuk perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang diberi.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 416
Kuala Lumpur